



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

SURAT KITA : SUK.TR.880/197/13 Bhg.3-(62)
BERTARIKH : 13 Ramadhan 1433
BERSAMAAN : 02 Ogos 2012

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BIL. 16 TAHUN 2012**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2012
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2012**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan memaklumkan Pentadbiran Negeri bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2012 berhubung Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2012.

2. Pekeliling ini dipersetujui diterima pakai diseluruh Jabatan Negeri dan dipanjangkan pemakaiannya kepada semua Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan juga dibayar kepada kakitangan seperti berikut :-

- i) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pejabat Perhubungan dan Komunikasi secara sepenuh masa;
- ii) Pegawai khas kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri;
- iii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Unit Penyelidikan, Pejabat Menteri Besar secara sepenuh masa;
- iv) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pejabat Agensi Pembangunan Masyarakat Negeri (APMT);
- v) Pegawai yang bertugas di Pusat Khidmat Masyarakat secara Ad-Hoc (Pegawai Khas dan Pembantu Tadbir ADUN);

...2/-

